

Bil. S 81

**PERINTAH TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL, 2006
(S 8/2007)**

ATURAN-ATURAN TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL, 2012

SUSUNAN ATURAN-ATURAN

Aturan

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Pengenaan.
3. Borang.

BAHAGIAN II

PEJABAT PENDAFTARAN TRIBUNAL

4. Pejabat pendaftaran tribunal.
5. Waktu pejabat.
6. Rekod.
7. Carian.

BAHAGIAN III

MEMFAILKAN TUNTUTAN

8. Memfailkan tuntutan.
9. Memfailkan tuntutan balas terhadap pihak menuntut.
10. Memfailkan tuntutan perwakilan.

BAHAGIAN IV

PENYAMPAIAN DAN PENGELUARAN NOTIS

11. Penyampaian dokumen.
12. Notis perundingan.
13. Notis pendengaran.

BAHAGIAN V

MENGENEPIKAN PERINTAH

14. Permohonan untuk mengeneipikan perintah yang diperolehi jika gagal hadir.

BAHAGIAN VI

SAKSI-SAKSI

15. Saman kepada saksi.
16. Penyampaian saman kepada saksi.
17. Gagal memberi keterangan.

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

18. Permohonan bagi penguatkuasaan perintah untuk membayar wang.
19. Permintaan bagi penguatkuasaan perintah kerja.

BAHAGIAN VIII

**RAYUAN KEPADA TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL TERHADAP
PERINTAH PENDAFTAR**

20. Notis rayuan.
21. Bayaran rayuan.
22. Pendaftar hendaklah menetapkan masa dan tempat pendengaran rayuan.
23. Penangguhan pendengaran rayuan.

24. Jika rayuan dibenarkan oleh tribunal.

BAHAGIAN IX

RAYUAN KEPADA MAHKAMAH TINGGI

25. Notis rayuan.
26. Bayaran rayuan.
27. Masa rayuan.
28. Jaminan kos.
29. Rekod prosiding.
30. Petisyen rayuan.
31. Notis responden.
32. Rekod rayuan.
33. Penangguhan perlaksanaan sementara menunggu keputusan rayuan.
34. Penghakiman atau perintah atas rayuan hendaklah dihantar kepada Pendaftar.
35. Penguatkuasaan penghakiman Mahkamah Tinggi.

JADUAL – BORANG-BORANG

**PERINTAH TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL, 2006
(S 8/2007)**

ATURAN-ATURAN TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL, 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 54 dari Perintah Tribunal Tuntutan Kecil, 2006, maka Ketua Hakim, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Tribunal Tuntutan Kecil, 2012 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Tribunal Tuntutan Kecil, 2006 (S 8/2007).

Pengenaan.

2. Aturan-Aturan ini hendaklah dikenakan kepada semua prosiding di bawah Perintah Tribunal Tuntutan Kecil, 2006 (S 8/2007).

Borang.

3. Jika mana-mana borang dalam Jadual ditetapkan atau dibenarkan untuk digunakan, perubahan boleh dibuat dalam borang itu mengikut kehendak mana-mana kes tertentu.

BAHAGIAN II

PEJABAT PENDAFTARAN TRIBUNAL

Pejabat pendaftaran tribunal.

4. (1) Tiap-tiap tribunal hendaklah mempunyai pejabat pendaftaran bagi perjalanan urusan berkenaan dengan prosiding dalam tribunal.

(2) Pejabat pendaftaran tiap-tiap tribunal hendaklah terletak di tempat sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Hakim dan hendaklah di bawah tanggungjawab Pendaftar.

Waktu pejabat.

5. Pejabat pendaftaran tiap-tiap tribunal hendaklah dibuka pada masa yang sama dan pada hari yang sama dengan Pejabat Pendaftaran Mahkamah-Mahkamah Rendah.

Rekod.

6. (1) Pendaftar hendaklah menyimpan suatu rekod mengenai semua prosiding tribunal.

(2) Rekod yang dikehendaki oleh aturan ini hendaklah disimpan mengikut cara dan dalam bentuk sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pendaftar dan menurut arahan yang diberikan di bawah kuasa Ketua Hakim.

Carian.

7. (1) Setelah suatu perintah dibuat di bawah bab 38 dalam mana-mana prosiding, mana-mana orang boleh, dengan kebenaran Pendaftar, membuat carian, memeriksa dan mengambil satu salinan rekod berkenaan dengan prosiding itu.

(2) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan apa-apa keputusan Pendaftar di bawah aturan ini boleh merayu kepada adjudikator yang boleh mengesahkan, membatalkan atau mengubah keputusan Pendaftar.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam aturan ini boleh menghalang suatu pihak dalam mana-mana prosiding dari memeriksa atau mengambil satu salinan mana-mana bahagian rekod yang disimpan oleh tribunal berkaitan dengan prosiding itu.

(4) Bayaran sebanyak \$5 hendaklah dibayar kepada tribunal pada masa permintaan untuk mengambil satu salinan rekod di bawah aturan kecil (1) atau (3).

BAHAGIAN III

MEMFAILKAN TUNTUTAN

Memfailkan tuntutan.

8. (1) Tiap-tiap tuntutan hendaklah dibuat dalam Borang 1 yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Pada masa memfailkan apa-apa tuntutan, pihak menuntut yang dinyatakan dalam ruang pertama jadual yang berikut hendaklah membuat bayaran yang berkenaan yang dinyatakan bersetentangan dengannya —

JADUAL

Pihak Menuntut	Bayaran	
	Tuntutan tidak melebihi \$5,000	Tuntutan melebihi \$5,000 tetapi kurang dari \$10,000
(a) Pengguna	\$10	\$20
(b) Bukan pengguna	\$50	\$100

(3) Bagi maksud aturan kecil (2), pihak menuntut adalah seorang pengguna jika —

(a) dia tidak membuat kontrak (yang darinya pertikaian itu timbul) dalam masa menjalankan suatu perniagaan atau tidak mengemukakan dirinya sebagai berbuat demikian;

(b) pihak yang satu lagi ada membuat kontrak dalam masa menjalankan suatu perniagaan; dan

(c) barang-barang yang dijual atau perkhidmatan yang dibekalkan di bawah kontrak itu adalah dari jenis yang biasanya dijual atau dibekalkan bagi kegunaan atau pemakaian persendirian.

(4) Dalam aturan kecil (3), “perniagaan” termasuk suatu profesion dan aktiviti-aktiviti mana-mana jabatan Kerajaan, badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan atau awam.

(5) Melainkan jika tribunal atau Pendaftar memerintahkan selainnya, pihak menuntut yang berjaya tidak boleh mendapatkan balik daripada responden lebih dari \$10 berkaitan dengan bayaran yang dibuat di bawah aturan kecil (2).

Memfailkan tuntutan balas terhadap pihak menuntut.

9. (1) Tiap-tiap tuntutan balas hendaklah dibuat dalam Borang 2 yang dinyatakan dalam Jadual dan hendaklah difailkan sebelum suatu perintah dibuat oleh tribunal berkaitan dengan tuntutan itu.

(2) Aturan-aturan 8(2), (3), (4) dan (5) hendaklah dikenakan berhubung dengan suatu tuntutan balas seolah-olah pihak yang membuat tuntutan balas itu adalah pihak menuntut dan pihak yang terhadapnya tuntutan balas itu dibuat adalah responden.

(3) Jika suatu tuntutan balas difailkan menurut aturan ini, Pendaftar hendaklah menetapkan tuntutan balas itu berserta dengan tuntutan bagi perundingan atau pendengaran, mengikut mana yang belum diputuskan.

(4) Suatu tuntutan balas boleh diteruskan walaupun suatu perintah diberikan memihak kepada pihak menuntut atau tuntutan itu ditangguhkan, dihentikan, ditolak atau diselesaikan.

(5) Jika pihak menuntut dan responden membuktikan tuntutan dan tuntutan balas mereka, masing-masing, dan terdapat keseimbangan memihak kepada salah satu pihak, tribunal boleh membuat suatu perintah berkenaan dengan keseimbangan itu.

Memfailkan tuntutan perwakilan.

10. (1) Tiap-tiap tuntutan perwakilan di bawah bab 29 hendaklah dibuat dalam Borang 3 yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Aturan-aturan 8(2), (3), (4) dan (5) hendaklah dikenakan berhubung dengan suatu tuntutan perwakilan seolah-olah pihak menuntut perwakilan itu adalah pihak menuntut di bawah aturan 8, kecuali jika pihak menuntut perwakilan itu mewakili seorang bukan pengguna atau lebih, dia hendaklah disifatkan sebagai bukan pengguna walaupun dia boleh juga mewakili seorang pengguna atau lebih.

BAHAGIAN IV

PENYAMPAIAN DAN PENGELUARAN NOTIS

Penyampaian dokumen.

11. (1) Tertakluk kepada aturan kecil (2) dan aturan 16(1), apa-apa dokumen yang hendak disampaikan kepada mana-mana orang dalam mana-mana prosiding di hadapan tribunal atau Pendaftar, hendaklah disampaikan dengan menghantar sendiri kepada orang itu atau dengan pos berdaftar di alamat orang itu yang terakhir diketahui.

(2) Tribunal atau Pendaftar boleh, dalam mana-mana kes tertentu, memerintah supaya sesuatu dokumen itu disampaikan kepada seseorang dengan apa-apa cara lain termasuk pos atau penghantaran faksimile yang dianggap patut oleh tribunal atau Pendaftar.

Notis perundingan.

12. (1) Jika suatu tuntutan difailkan menurut bab 15, Pendaftar hendaklah —

(a) menetapkan masa dan tempat perundingan menurut bab 17(1); dan

(b) memberikan notis dalam Borang 4 yang dinyatakan dalam Jadual mengenai masa dan tempat perundingan yang ditetapkan itu kepada pihak

menuntut, responden dan tiap-tiap orang yang dinyatakan dalam bab 19(1)/b/(ii).

(2) Satu salinan tuntutan itu hendaklah dilampirkan oleh Pendaftar kepada setiap notis di bawah aturan kecil (1) selain dari yang diberikan kepada pihak menuntut.

(3) Pendaftar boleh menangguhkan perundingan itu atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

Notis pendengaran.

13. (1) Jika Pendaftar, dengan terus menjalankan kuasa-kuasanya di bawah bab 17, tidak dapat mencapai penyelesaian yang boleh diterima oleh semua pihak dalam pertikaian itu, dia hendaklah —

(a) menetapkan masa dan tempat pendengaran tuntutan itu; dan

(b) memberikan notis dalam Borang 5 yang dinyatakan dalam Jadual mengenai masa dan tempat pendengaran yang ditetapkan itu kepada pihak menuntut, responden dan tiap-tiap orang yang dinyatakan dalam bab 19(1)/b/(ii).

(2) Satu salinan tuntutan itu hendaklah dilampirkan oleh Pendaftar kepada setiap notis di bawah aturan kecil (1) selain dari yang diberikan kepada pihak menuntut.

(3) Tribunal boleh menangguhkan pendengaran itu atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

BAHAGIAN V

MENGENEPIKAN PERINTAH

Permohonan untuk mengeneipkan perintah yang diperolehi jika gagal hadir.

14. (1) Tiap-tiap permohonan di bawah bab 46(1) untuk mengeneipkan suatu perintah Pendaftar atau tribunal hendaklah dibuat dalam Borang 6 yang dinyatakan dalam Jadual dalam masa satu bulan selepas tarikh perintah itu dibuat atau suatu tempoh sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh tribunal.

(2) Permohonan itu hendaklah difailkan dengan Pendaftar.

(3) Jika permohonan itu difailkan menurut bab 46(1) dan aturan ini, Pendaftar hendaklah —

(a) menetapkan masa dan tempat pendengaran permohonan itu; dan

(b) memberikan notis dalam Borang 7 yang dinyatakan dalam Jadual mengenai masa dan tempat pendengaran yang ditetapkan itu kepada pemohon, responden dan tiap-tiap orang yang dinyatakan dalam bab 19(1)/b/(ii).

(4) Satu salinan permohonan itu hendaklah dilampirkan oleh Pendaftar kepada setiap notis di bawah aturan kecil (3) selain dari yang diberikan kepada pemohon.

(5) Tribunal boleh menangguhkan pendengaran permohonan itu atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(6) Jika perintah Pendaftar atau tribunal yang dirujuk dengan suatu permohonan di bawah bab 46(1) diketepikan, tribunal hendaklah terus bertindak untuk mencapai penyelesaian, atau untuk mendengar tuntutan atau tuntutan balas sebagaimana yang diperuntukkan dalam Aturan-Aturan ini, atau membuat apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(7) Jika suatu pihak yang telah membuat suatu permohonan di bawah bab 46(1) untuk mengeneipkan suatu perintah Pendaftar atau tribunal yang telah dibuat kerana dia gagal menghadirkan diri tidak hadir pada pendengaran permohonannya untuk mengeneipkan perintah itu —

(a) tribunal boleh menolak permohonan itu dan membuat perintah atau arahan sampingan yang pada pendapatnya adalah patut dan wajar; dan

(b) pihak yang membuat permohonan itu hendaklah dihalang daripada membuat sebarang permohonan lanjut di bawah bab 43(2) untuk mengeneipkan apa-apa perintah Pendaftar atau tribunal yang dibuat dalam perjalanan mana-mana prosiding berkenaan dengan tuntutan itu.

BAHAGIAN VI

SAKSI-SAKSI

Saman kepada saksi.

15. Tribunal boleh pada bila-bila masa, sebelum atau dalam masa mana-mana pendengaran, mengeluarkan suatu saman dalam Borang 8 yang dinyatakan dalam Jadual yang ditandatangani oleh Pendaftar, untuk menyaman mana-mana orang —

(a) untuk hadir di hadapan tribunal pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam saman itu;

(b) untuk memberikan keterangan pada pendengaran itu; dan

(c) untuk mengemukakan kepada tribunal dokumen-dokumen dalam milikan atau kawalannya sebagaimana yang dinyatakan dalam saman itu.

Penyampaian saman kepada saksi.

16. (1) Setiap saman yang dikeluarkan di bawah aturan 15 hendaklah disampaikan kepada orang yang ditujukan saman itu, sama ada dengan menghantarnya sendiri kepadanya atau, jika dia enggan menerimanya, dengan membawa kepada pengetahuannya, dalam masa yang munasabah sebelum masa yang dinyatakan dalam saman itu bagi kehadirannya.

(2) Obligasi ke atas seseorang saksi yang disaman di bawah aturan 15 untuk hadir dalam mana-mana pendengaran hendaklah meliputi sebarang masa dan tempat pendengaran itu boleh ditangguhkan.

Gagal memberi keterangan.

17. (1) Mana-mana orang yang telah sempurna disampaikan menurut Aturan-Aturan ini dengan suatu saman yang dikeluarkan di bawah aturan 15 dan gagal tanpa sebab yang mencukupi untuk mematuhi arahan dalam saman itu atau kehendak-kehendak aturan 16(2) berkaitan dengan saman itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$500.

(2) Tiap-tiap orang yang hadir dalam mana-mana pendengaran di hadapan tribunal (sama ada akibat daripada penyampaian apa-apa saman kepadanya atau tidak) yang dikehendaki untuk memberikan keterangan dalam pendengaran itu tetapi enggan —

(a) mengangkat sumpah atau berikrar; atau

(b) memberikan keterangan dalam perbicaraan,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$500.

(3) Pembayaran suatu denda tidaklah melepaskan seseorang itu daripada sebarang obligasi di bawah apa-apa tindakan yang belum diputuskan atau tindakan lain untuk mematuhi arahan dalam suatu saman yang dikeluarkan di bawah aturan 15 atau 16(2).

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

Permohonan bagi penguatkuasaan perintah untuk membayar wang.

18. (1) Tiap-tiap permohonan kepada Mahkamah Majistret di bawah bab 40(2) hendaklah dibuat dalam Borang 9 yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Permohonan itu hendaklah difailkan di pejabat pendaftaran Mahkamah Majistret.

(3) Pendaftar Mahkamah Majistret hendaklah menyampaikan dengan serta-merta satu salinan permohonan itu kepada pihak yang terhadapnya penguatkuasaan itu dipohonkan.

(4) Setiap notis bantahan terhadap permohonan itu, yang disebut dalam bab 40(3), hendaklah dibuat dalam Borang 10 yang dinyatakan dalam Jadual.

(5) Notis bantahan hendaklah difailkan di pejabat pendaftaran Mahkamah Majistret sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh pendengaran permohonan itu.

Permintaan bagi penguatkuasaan perintah kerja.

19. Tiap-tiap permohonan di bawah bab 41(1) bagi penguatkuasaan suatu perintah kerja hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam Borang 11 yang dinyatakan dalam Jadual.

BAHAGIAN VIII

RAYUAN KEPADA TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL TERHADAP PERINTAH PENDAFTAR

Notis rayuan.

20. Suatu rayuan kepada tribunal dari suatu perintah yang dibuat oleh Pendaftar di bawah bab 17(4) hendaklah dibawa dengan memfailkan kepada Pendaftar suatu notis rayuan dalam Borang 12 yang dinyatakan dalam Jadual dalam masa satu bulan dari tarikh perintah itu.

Bayaran rayuan.

21. Perayu hendaklah, pada masa suatu notis rayuan difailkan di bawah aturan 20, membuat bayaran sebanyak \$20.

Pendaftar hendaklah menetapkan masa dan tempat pendengaran rayuan.

22. Setelah perayu memfailkan suatu notis rayuan menurut aturan 20 dan membuat bayaran yang dinyatakan dalam aturan 21, Pendaftar hendaklah —

(a) memberikan nombor kepada notis rayuan itu dan memasukkan rayuan itu ke dalam senarai rayuan;

(b) menetapkan masa dan tempat bagi pendengaran rayuan itu; dan

(c) memberikan notis dalam Borang 13 yang dinyatakan dalam Jadual mengenai masa dan tempat pendengaran rayuan itu kepada perayu, responden dan mana-mana orang yang didapati oleh Pendaftar mempunyai kepentingan yang mencukupi dalam penyelesaian pertikaian yang dimaksudkan oleh tuntutan itu.

Penangguhan pendengaran rayuan.

23. Tribunal boleh menangguhkan pendengaran rayuan itu atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

Jika rayuan dibenarkan oleh tribunal.

24. Jika suatu rayuan terhadap suatu perintah yang dibuat oleh Pendaftar di bawah bab 17(4) dibenarkan oleh tribunal, tribunal hendaklah terus bertindak untuk mencapai penyelesaian, atau untuk mendengar tuntutan atau tuntutan balas itu sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perintah itu dan Aturan-Aturan ini, atau membuat apa-apa perintah atau arahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

BAHAGIAN IX

RAYUAN KEPADA MAHKAMAH TINGGI

Notis rayuan.

25. (1) Suatu rayuan kepada Mahkamah Tinggi hendaklah dibawa dengan notis rayuan dalam Borang 14 yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Notis rayuan boleh diberikan sama ada berkaitan dengan keseluruhan atau berkaitan dengan mana-mana bahagian tertentu perintah tribunal.

(3) Setiap notis tersebut hendaklah —

(a) menyatakan keseluruhan atau sebahagian sahaja, dan bahagian mana, dari perintah itu yang dimusykilkan; dan

(b) mengandungi alamat penyampaian; dan

(c) ditandatangani oleh perayu atau peguamcaranya.

(4) Pendaftar hendaklah memberikan nombor kepada notis rayuan itu dan memasukkan rayuan itu ke dalam senarai rayuan.

(5) Notis rayuan itu hendaklah disampaikan kepada semua pihak dalam prosiding tersebut yang terjejas secara langsung oleh rayuan itu atau peguamcara-peguamcara mereka masing-masing pada masa notis rayuan itu difailkan.

Bayaran rayuan.

26. Perayu hendaklah, pada masa memfailkan suatu notis rayuan di bawah aturan 25 —

(a) membuat bayaran dalam jumlah yang bersamaan dengan bayaran yang kena dibayar pada masa itu di bawah Aturan-Aturan Mahkamah bagi memfailkan suatu rayuan kepada Mahkamah Tinggi dari suatu penghakiman atau perintah Mahkamah Majistret; dan

(b) menandatangani dengan Pendaftar suatu jumlah wang sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pendaftar bagi bayaran untuk membuat salinan rekod prosiding.

Masa rayuan.

27. Setiap notis rayuan hendaklah difailkan dan disampaikan di bawah aturan 25(5) dalam masa satu bulan yang dikira dari tarikh perintah yang dirayu itu dibuat.

Jaminan kos.

28. (1) Perayu hendaklah, pada masa memfailkan notis rayuan itu, menandatangani wang sebanyak \$500 sebagai jaminan bagi kos rayuan responden dengan Pendaftar dan mendapatkan sijil dalam Borang 15 yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Mahkamah Tinggi boleh pada bila-bila masa, dalam mana-mana kes jika difikirkannya patut, memerintahkan supaya jaminan kos yang selanjutnya diberikan.

(3) Jika di bawah aturan 30(4) atau 32(4) rayuan itu dianggap telah ditarik balik, sebarang jumlah wang yang didepositkan sebagai jaminan kos di bawah aturan ini hendaklah dibayar —

(a) jika semua pihak dalam rayuan itu atau peguamcara-peguamcara mereka bersetuju secara bertulis, menurut persetujuan itu, atau

(b) menurut suatu perintah tribunal.

(4) Tiap-tiap permohonan bagi suatu perintah di bawah aturan kecil (3)(b) hendaklah dalam Borang 16 yang dinyatakan dalam Jadual.

Rekod prosiding.

29. (1) Apabila suatu notis rayuan telah difailkan, adjudikator yang membuat perintah itu hendaklah memperakui secara bertulis alasan perintah itu; tetapi kelambatan atau kegagalan untuk memperakuiya tidaklah menghalang perayu daripada meneruskan rayuannya.

(2) Dengan seberapa segera yang boleh setelah notis rayuan difailkan, Pendaftar hendaklah menyebabkan untuk disampaikan kepada perayu atau peguamcaranya di alamat penyampaian yang dinyatakan dalam notis rayuan itu suatu notis bahawa satu salinan rekod prosiding boleh didapatkan.

(3) Rekod prosiding hendaklah mengandungi satu salinan alasan perintah itu yang diperakui dan satu salinan nota prosiding yang diperakui yang diambil pada pendengaran tuntutan atau tuntutan balas itu.

Petisyen rayuan.

30. (1) Dalam masa 21 hari setelah penyampaian notis yang disebut dalam aturan 29(2), perayu hendaklah, jika dia berhasrat hendak meneruskan rayuan itu, memfailkan dengan Pendaftar suatu petisyen rayuan dalam dua salinan dalam Borang 17 yang dinyatakan dalam Jadual dan satu salinan petisyen itu hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap responden dalam rayuan itu atau peguamcaranya.

(2) Tiap-tiap petisyen rayuan hendaklah ditandatangani oleh perayu atau peguamcaranya dan hendaklah mengandungi dengan ringkas dan di bawah tajuk-tajuk yang berlainan, tanpa hujahan atau cerita, butir-butir perkara yang berkenaan dengannya tribunal itu dikatakan telah silap, butir-butir tersebut hendaklah dinomborkan secara berturut-turut.

(3) Kecuali dengan kebenaran Mahkamah Tinggi, perayu tidaklah dibenarkan pada pendengaran rayuan itu untuk bersandar kepada apa-apa alasan rayuan selain dari yang dinyatakan dalam petisyen itu.

(4) Jika suatu petisyen rayuan tidak difailkan dalam masa yang dinyatakan dalam aturan kecil (1), rayuan itu hendaklah dianggap telah ditarik balik, tetapi tiada sebarang apa pun dalam aturan ini boleh dianggap sebagai membataskan

atau menyekat kuasa untuk melanjutkan masa yang diberikan kepada Mahkamah Tinggi.

Notis responden.

31. (1) Responden yang, tidak membuat rayuan dari perintah tribunal itu, berhasrat hendak menghujah rayuan itu bahawa perintah tribunal itu patut diubah, sama ada dalam apa-apa keadaan atau sekiranya rayuan itu dibenarkan seluruhnya atau sebahagiannya, hendaklah memberi notis bagi maksud itu, dengan menyatakan alasan hujahan itu.

(2) Responden yang berhasrat hendak menghujah rayuan itu bahawa perintah tribunal itu patut disahkan atas alasan selain dari yang disandarkan oleh tribunal itu mestilah memberi notis bagi maksud itu dengan menyatakan alasan hujahan itu.

(3) Kecuali dengan kebenaran Mahkamah Tinggi, responden tidaklah berhak, dalam pendengaran rayuan itu —

(a) untuk menghujah bahawa perintah tribunal itu patut diubah atas alasan yang tidak dinyatakan dalam suatu notis yang diberikan di bawah aturan ini;

(b) untuk memohon apa-apa pelepasan yang tidak dinyatakan demikian; atau

(c) untuk menyokong perintah tribunal itu atas alasan yang tidak disandarkan oleh tribunal itu atau dinyatakan dalam notis tersebut.

(4) Apa-apa notis yang diberikan oleh responden di bawah aturan ini (disebut dalam aturan kecil ini dan aturan 32 sebagai notis responden) hendaklah dalam Borang 18 yang dinyatakan dalam Jadual dan mestilah difailkan dengan Pendaftar dan satu salinannya disampaikan kepada perayu dan semua pihak dalam prosiding itu yang terjejas secara langsung oleh hujahan responden dalam masa 14 hari selepas penyampaian petisyen rayuan kepadanya.

Rekod rayuan.

32. (1) Dalam masa 14 hari selepas petisyen rayuan yang disebut dalam aturan 30(1) difailkan, perayu hendaklah memfailkan dengan Pendaftar tiga salinan rekod rayuan, dan menyampaikan satu salinannya kepada tiap-tiap responden dalam rayuan itu atau peguamcaranya.

(2) Rekod rayuan hendaklah mengandungi setiap satu salinan notis rayuan, petisyen rayuan, sijil pembayaran jaminan kos, notis responden (jika ada), rekod prosiding yang disebut dalam aturan 29(3), dan dokumen lain, setakat

mana yang perlu untuk menunjukkan perkara yang diputuskan dan jenis rayuan itu, dan perintah yang dirayu.

(3) Jika perayu meninggalkan daripada mematuhi aturan kecil (1), mana-mana responden yang telah memfailkan suatu notis responden boleh meneruskan rayuannya, dalam sebarang hal tersebut responden hendaklah dengan seberapa segera yang boleh atau dalam tempoh masa sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pendaftar memfailkan suatu rekod rayuan.

(4) Jika mana-mana responden tidak memfailkan suatu notis responden dan perayu meninggalkan daripada mematuhi aturan kecil (1), rayuan itu hendaklah dianggap telah ditarik balik.

(5) Tiada sebarang apa pun dalam aturan ini boleh dianggap sebagai membataskan atau menyekat kuasa untuk melanjutkan masa yang diberikan kepada Mahkamah Tinggi.

(6) Pendaftar hendaklah setelah menerima salinan-salinan rekod rayuan menghantar dua salinan berserta dengan barang-barang bukti yang dikemukakan sebagai keterangan semasa pendengaran kepada Pendaftar Mahkamah Besar dan memberi notis kepada pihak-pihak dalam rayuan itu dalam Borang 19 yang dinyatakan dalam Jadual.

Penangguhan perlaksanaan sementara menunggu keputusan rayuan.

33. Pemfailan suatu notis rayuan tidaklah berkuatkuasa sebagai penangguhan perlaksanaan, tetapi tribunal boleh atas permohonan dengan notis dalam Borang 20 yang dinyatakan dalam Jadual menangguhkan perlaksanaan atas terma-terma sebagaimana yang difikirkannya patut.

Penghakiman atau perintah atas rayuan hendaklah dihantar kepada Pendaftar.

34. Apabila sesuatu rayuan itu diputuskan oleh Mahkamah Tinggi, Pendaftar Mahkamah Besar hendaklah menghantar satu salinan penghakiman atau perintah itu yang diperakui kepada Pendaftar.

Penguatkuasaan penghakiman Mahkamah Tinggi.

35. Pengambilan apa-apa langkah bagi perlaksanaan atau penguatkuasaan suatu perintah tribunal yang menjadi hal perkara sesuatu rayuan hendaklah menurut peruntukan-peruntukan Perintah itu.

JADUAL

(aturan 8(1))

BORANG-BORANG

BORANG 1

Tuntutan Bil. SCT/_____/20____

TUNTUTAN

A. Butir-butir Pihak Menuntut:

Nama: _____

Alamat: _____

Tel: _____ Tel. Bimbit: _____

Emel: _____

B. Saya dengan ini memberi notis bahawa saya ingin memfailkan tuntutan terhadap responden-responden yang berikut:

Nama: _____

Alamat: _____

Tel: _____ Tel. Bimbit: _____

Emel: _____

C. Butir-butir Tuntutan:

(Sila lengkapkan muka surat sebelah)

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 ____.

Tandatangan Pihak Menuntut

Nama:

Jawatan:

Notis: Tuntutan Balas Responden hendaklah difailkan dalam masa 2 minggu dari penyampaian Tuntutan ini, jika ada. Sila rujuk kepada Pejabat Pendaftaran Tribunal Tuntutan Kecil bagi salinan Borang Tuntutan Balas.

JADUAL – Sambungan

Lampiran kepada Borang _____

Tuntutan Bil. SCT/ _____ 20 _____

A	JENIS PERTIKAIAN: Sila tandakan [√]		
	1. KONTRAK PENJUALAN BARANG-BARANG ☐ Barang-Barang Rosak ☐ Tidak Dihantar ☐ Barang-Barang Tidak Mengikut Kontrak ☐ Tidak Membayar ☐ Pembatalan/Pilihan Keluar ☐ Pemulangan Bayaran (deposit kenderaan bermotor) Lengkapkan Petak B, D & F	2. KONTRAK PEMBERIAN PERKHIDMATAN ☐ Perkhidmatan Tidak Memuaskan ☐ Perkhidmatan Terbengkalai ☐ Perkhidmatan Tidak Diberikan ☐ Tidak Membayar ☐ Pembatalan/Pilihan Keluar ☐ Lain-Lain Lengkapkan Petak B, D & F	3. KEROSAKAN KEPADA HARTA ☐ Pemilik Harta ☐ Kerosakan bukan akibat dari kemalangan kenderaan bermotor [Nota: Kerosakan harta akibat dari kemalangan kenderaan bermotor tidak boleh dituntut di Tribunal Tuntutan Kecil] Lengkapkan Petak C, D & E
B	BUTIR-BUTIR TUNTUTAN		
	KONTRAK BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN		
1	Nama Jenis Barang-Barang Yang Dijual atau Perkhidmatan Yang Diberikan:		
2	Wang Kontrak: \$	Dibayar: \$	
3	Wang Baki: \$		
4	Tarikh Kontrak:	Bil. Invois:	
5	Tarikh Kontrak Dilaksanakan:		
6	Tarikh Kontrak Ingkar:		

JADUAL – Sambungan

C	KEROSAKAN KEPADA HARTA
1	Tarikh Kerosakan:
2	Harta Rosak:
3	Tempat Di Mana Kerosakan Berlaku:
D	RINGKASAN TUNTUTAN
E	TUNTUTAN BAGI: Sila [√]
(1)	PERINTAH KERJA ☐ Nyatakan jenis Perintah Kerja (secara ringkas)
(2)	PERINTAH UNTUK MEMBAYAR WANG ☐ [nyatakan jumlahnya]
(3)	DAN PEMBAYARAN ☐ \$
	TUNTUTAN BAGI KOS DAN FAEDAH TIDAK DIBENARKAN

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.
 (Jika Tuntutan Syarikat)
 Cap Syarikat

Tandatangan Pihak Menuntut
 Nama: _____
 Jawatan: _____

BORANG 2

Tuntutan Bil. SCT/ _____ **/20** _____

TUNTUTAN BALAS

A. Butir-Butir Pihak Menuntut Balas:

Nama: _____

Alamat: _____

Tel: _____ Tel. Bimbit: _____

Emel: _____

**B. Tuntutan telah difailkan terhadap saya dalam Tuntutan SCT/ _____ / _____
oleh:**

Nama: _____

Alamat: _____

**C. Saya dengan ini memberi notis bahawa saya ingin memfailkan tuntutan balas
yang berikut:**

Butir-Butir Tuntutan Balas:

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Tandatangan Pihak Menuntut Balas

Nama:

Jawatan:

(aturan 10(1))

BORANG 3

Tuntutan Bil. SCT/_____/20_____

TUNTUTAN PERWAKILAN

A. Butir-Butir Wakil:

Nama: _____

Alamat: _____

Tel: _____ Tel. Bimbit: _____

Emel: _____

B. Saya dengan ini memberi notis bahawa saya ingin memfailkan tuntutan perwakilan terhadap responden (responden-responden) yang berikut:

Nama: _____

Alamat: _____

Tel: _____ Tel. Bimbit: _____

Emel: _____

C. Saya memfailkan tuntutan di bawah bab 29 dari Perintah Tribunal Tuntutan Kecil, 2006 (S 8/2007) dan saya juga mewakili pihak menuntut (pihak-pihak menuntut) yang berikut:

Nama: _____

Alamat: _____

D. Butir-Butir Tuntutan:

(Sila lengkapkan muka surat sebelah)

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Tandatangan Pihak Menuntut Perwakilan

Nama:

Jawatan:

BORANG 4

Tuntutan Bil. SCT/_____/20____

NOTIS PERUNDINGAN

- (1) **Kepada Pihak Menuntut:** Nama: _____
Alamat: _____

- (2) **Kepada Responden:** Nama: _____
Alamat: _____

- (3) **Kepada:** Nama: _____
Alamat: _____

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa tuntutan (*salinannya dilampirkan*) telah difailkan terhadap responden yang tersebut di atas dan telah ditetapkan bagi perundingan.

Kamu dikehendaki hadir di hadapan Pendaftar Tribunal Tuntutan Kecil, _____, Negara Brunei Darussalam pada _____ jam _____ pagi/petang.

DAN AMBIL PERHATIAN sekiranya kamu gagal hadir di hadapan Tribunal pada hari dan masa yang ditetapkan, tuntutan kamu boleh ditolak atau penghakiman ingkar boleh dicatatkan terhadap kamu.

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 ____.

Pendaftar

(aturan 13(1)(b))

BORANG 5

Tuntutan Bil. SCT/_____/20____

NOTIS PENDENGARAN

- (1) Kepada Pihak Menuntut: Nama: _____
Alamat: _____

- (2) Kepada Responden: Nama: _____
Alamat: _____

- (3) Kepada: Nama: _____
Alamat: _____

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa tuntutan (*salinannya dilampirkan*) telah difailkan terhadap responden yang tersebut di atas dan telah ditetapkan bagi pendengaran.

Kamu dikehendaki hadir di hadapan Tribunal Tuntutan Kecil, _____, Negara Brunei Darussalam pada _____ jam _____ pagi/petang, untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh pihak menuntut yang tersebut di atas.

DAN AMBIL PERHATIAN sekiranya gagal menghadiri Tribunal pada hari dan masa yang ditetapkan, suatu perintah boleh diberikan terhadap kamu.

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 ____.

Pendaftar

BORANG 6

Tuntutan Bil. SCT/_____/20____

PERMOHONAN UNTUK MENGENEPIKAN PERINTAH

***PENDAFTAR/ADJUDIKATOR**

A. Butir-butir Pemohon:

Nama: _____
Alamat: _____

- B.** 1. Suatu Perintah telah dibuat terhadap saya pada _____
oleh *Pendaftar/Adjudikator dalam Tuntutan Bil. _____
2. Saya dengan ini memohon untuk mengeneipkan perintah di atas
yang dibuat memihak kepada:

Nama: _____
Alamat: _____

C. Alasan Permohonan:

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 ____.

Tandatangan Pihak Menuntut/Responden
(Bubuhkan juga cap Syarikat jika berkenaan)
Nama: _____
Jawatan: _____
Tel: _____

*Potong jika tidak berkenaan

BORANG 7

Tuntutan Bil. SCT/_____/20____

**NOTIS PENDENGARAN PERMOHONAN UNTUK
MENGENEPIKAN PERINTAH**

- (1) **Kepada Pihak Menuntut:** Nama: _____
Alamat: _____

- (2) **Kepada Responden:** Nama: _____
Alamat: _____

- (3) **Kepada:** Nama: _____
Alamat: _____

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa permohonan untuk mengeneipkan suatu perintah Pendaftar/Tribunal Tuntutan Kecil yang telah difailkan *(salinannya dilampirkan)* telah ditetapkan bagi pendengaran.

Kamu dikehendaki hadir di hadapan Tribunal Tuntutan Kecil, _____, Negara Brunei Darussalam pada _____ jam _____ pagi/petang, untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh pihak menuntut yang tersebut di atas.

DAN AMBIL PERHATIAN sekiranya kamu gagal hadir di hadapan Tribunal pada hari dan masa yang ditetapkan, suatu perintah boleh dibuat terhadap kamu.

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Pendaftar

BORANG 8

Tuntutan Bil. SCT/_____/20____

SAMAN KEPADA SAKSI

Kepada: Nama: _____
Alamat: _____

KAMU DENGAN INI DISAMAN UNTUK hadir di hadapan Tribunal Tuntutan Kecil yang terletak di _____, Negara Brunei Darussalam _____ pada _____ haribulan _____ 20 ____ jam _____ pagi/petang dan pada setiap masa dan tempat yang kemudiannya di mana prosiding itu boleh ditangguhkan sebagaimana yang diarahkan —

- (a) untuk memberi keterangan bagi pihak-pihak menuntut/responden; dan
- (b) untuk membawa bersama kamu dan mengemukakan dokumen-dokumen yang berikut:

DAN KAMU DENGAN INI DIBERI AMARAN bahawa jika kamu gagal tanpa sebab yang mencukupi untuk mematuhi saman ini, kamu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$500.

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 ____.

Pendaftar
Mahkamah Rendah

(aturan 18(1))

BORANG 9

**Dalam Perkara bab 40(2) dari
PERINTAH TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL, 2006
(S 8/2007)**

DAN

**Dalam Perkara aturan 18(1) dari
ATURAN-ATURAN TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL, 2012**

DAN

Dalam Perkara

Tuntutan Bil. SCT/_____/20_____

DI ANTARA

*... Pihak Menuntut
... Responden*

BAGI PENGUATKUASAAN PERINTAH

Kepada: Nama: _____
Alamat: _____

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kamu dikehendaki hadir di hadapan Pendaftar, Mahkamah Majistret, _____, Negara Brunei Darussalam _____ pada _____ haribulan _____ 20 _____ jam _____ pagi/petang bagi pendengaran suatu permohonan yang dibuat oleh Pihak Menuntut.

Dengan permohonan ini Pihak Menuntut meminta keputusan Mahkamah mengenai perintah yang berikut:

(Nyatakan perintah)

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Pendaftar
Mahkamah Rendah

Kepada: Responden

[aturan 18(4)]

BORANG 10

**Dalam Perkara bab 40(3) dari
PERINTAH TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL, 2006 (S 8/2007)**

DAN

**Dalam Perkara aturan 18(4) dari
ATURAN-ATURAN TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL, 2012**

DAN

Dalam Perkara

Tuntutan Bil. SCT/_____/20_____

DI ANTARA

... Pihak Menuntut

... Responden

NOTIS BANTAHAN TERHADAP PERINTAH

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa saya, _____ (*nama*)
membantah terhadap penguatkuasaan perintah yang dibuat oleh Tribunal
Tuntutan Kecil dalam perkara ini pada _____ haribulan _____
20 _____ atas alasan bahawa perintah itu telah dipatuhi sepenuhnya dan saya
dengan yang demikian mempertikaikan hak pihak menuntut untuk
menguatkuasakannya.

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Tandatangan Responden

Nama:

Jawatan:

Tel:

Kepada: (1) Pendaftar
Mahkamah Rendah

(2) Pihak Menuntut

(aturan 19)

BORANG 11

Tuntutan Bil. SCT/ _____ **/20** _____

... Pihak Menuntut

... Responden

PERMINTAAN UNTUK MENGUATKUASAKAN PERINTAH KERJA

Saya, _____ (nama), **MEMINTA KAMU** untuk mengeluarkan suatu proses bagi penguatkuasaan perintah kerja yang dibuat oleh Tribunal Tuntutan Kecil dalam perkara ini pada _____ haribulan _____ 20 _____, atas sebab yang berikut:

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Tandatangan Pihak Menuntut/Responden
(Bubuhkan juga cap Syarikat jika berkenaan)

Nama:
Jawatan:
Tel:

Kepada: Pendaftar
Tribunal Tuntutan Kecil

(aturan 20)

BORANG 12

**NOTIS RAYUAN KEPADA TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL
TERHADAP PERINTAH PENDAFTAR
RAYUAN BIL. _____ TAHUN _____**

DI ANTARA

... Perayu
... Responden

DALAM PERKARA TUNTUTAN BIL. SCT/_____/20_____
... Pihak Menuntut
... Responden

NOTIS RAYUAN

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa pihak menuntut/responden _____
(nama), tidak berpuas hati dengan perintah Pendaftar _____
(nama) yang dibuat semasa perundingan pada _____ haribulan _____
20 _____, merayu kepada Tribunal Tuntutan Kecil terhadap perintah untuk
menghentikan tuntutan itu, atas alasan (alasan-alasan) bahawa _____
(nyatakan alasan (alasan-alasan))
Alasan (alasan-alasan):

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Tandatangan Perayu

Nama:
Tel:
Faks:

Kepada: (1) Pendaftar
Tribunal Tuntutan Kecil
Bandar Seri Begawan BA1910
Negara Brunei Darussalam

Kepada: (2) Kepada Responden yang dinamakan di atas
Alamat penyampaian perayu:

BORANG 13

Tuntutan Bil. SCT/_____/20____

**NOTIS PENDENGARAN RAYUAN
TERHADAP PERINTAH PENDAFTAR**

- (1) Kepada Pihak Menuntut: Nama: _____
Alamat: _____

- (2) Kepada Responden: Nama: _____
Alamat: _____

- (3) Kepada: Nama: _____
Alamat: _____

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa rayuan dari perintah Pendaftar telah ditetapkan bagi pendengaran di hadapan Tribunal.

Kamu dikehendaki hadir di hadapan Tribunal Tuntutan Kecil, _____, Negara Brunei Darussalam pada _____ jam _____ pagi/petang, bagi Tribunal mendengar rayuan itu.

DAN AMBIL PERHATIAN sekiranya kamu gagal hadir di hadapan Tribunal pada hari dan masa yang ditetapkan, rayuan itu boleh ditolak atau suatu perintah boleh dibuat terhadap kamu.

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Pendaftar

BORANG 14
NOTIS RAYUAN KEPADA MAHKAMAH TINGGI

RAYUAN TUNTUTAN KECIL BIL. _____ TAHUN _____

DI ANTARA

... Perayu
... Responden

DALAM PERKARA TUNTUTAN BIL. SCT/ _____ /20 _____

... Pihak Menuntut
... Responden

NOTIS RAYUAN

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa Perayu _____ (nama),
tidak berpuas hati dengan perintah Adjudikaor, _____ (nama)
yang diberikan di Tribunal Tuntutan Kecil pada _____ haribulan _____
20 _____, dengan kebenaran Majistret dalam Kamar pada _____
haribulan _____ 20 merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap

Sama ada/atau {kesemua perintah tersebut
 {bahagian-bahagian perintah tersebut
 {memutuskan bahawa

atas alasan {alasan-alasan} bahawa _____
[nyatakan alasan {alasan-alasan}].

Alasan {alasan-alasan}:

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Tandatangan Pihak Menuntut/Responden

Nama:

Tel:

Faks:

Kepada: (1) Pendaftar
 Tribunal Tuntutan Kecil
 Bandar Seri Begawan BA1910
 Negara Brunei Darussalam

Kepada: (2) Responden yang dinamakan di atas.
 Alamat penyampaian Perayu:

(aturan 28(1))

BORANG 15
SIJIL JAMINAN KOS

RAYUAN TUNTUTAN KECIL BIL. _____ TAHUN _____

DI ANTARA

... Perayu
... Responden

DALAM PERKARA TUNTUTAN BIL. SCT/ _____ /20 _____

... Pihak Menuntut
... Responden

Dengan ini diperakui bahawa _____ (nama)
beralamat _____ perayu yang dinamakan di atas telah
mendepositkan wang sebanyak \$500 sebagai jaminan bagi kos rayuan Responden
dengan Pendaftar.

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Pendaftar

BORANG 16

**PERMOHONAN BAGI PERINTAH PEMBAYARAN
DARI JAMINAN KOS**

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa perayu/responden bercadang hendak memohon kepada Adjudikator, Tribunal Tuntutan Kecil yang terletak di _____, Negara Brunei Darussalam _____ jam _____ pagi/petang pada _____ haribulan _____ 20 _____, bagi suatu perintah supaya jaminan kos sebanyak \$ _____ yang didepositkan dengan Pendaftar pada _____ haribulan _____ 20 _____, dibayar kepada _____.

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Tandatangan Pihak Menuntut/Responden
Nama:
Tel:
Faks:

Kepada: (1) Pendaftar
Tribunal Tuntutan Kecil
Bandar Seri Begawan BA1910
Negara Brunei Darussalam

Kepada: (2) Kepada Perayu/Responden yang dinamakan di atas
Alamat penyampaian Perayu/Responden:

(aturan 30(1))

BORANG 17
PETISYEN RAYUAN

RAYUAN TUNTUTAN KECIL BIL. _____ TAHUN _____

DI ANTARA

... Perayu
... Responden

DALAM PERKARA TUNTUTAN BIL. SCT/_____/20_____

... Pihak Menuntut
... Responden

Kepada Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi.

Petisyen perayu yang dinamakan di atas menunjukkan seperti berikut:

1. Rayuan itu timbul dari suatu tuntutan.
2. Dengan suatu perintah bertarikh _____ haribulan _____ 20 _____, suatu perintah diberikan bagi _____.
3. Pempetisyen kamu tidak berpuas hati dengan perintah tersebut atas alasan yang berikut:
(Nyatakan alasan yang disandarkan oleh perayu)
4. Pempetisyen kamu memohon bahawa perintah tersebut boleh dibatalkan (atau mengikut mana yang berkenaan).

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Tandatangan Perayu
(atau Peguamcara bagi Perayu)

BORANG 18

RAYUAN TUNTUTAN KECIL BIL. _____ TAHUN _____

DI ANTARA

... Perayu
... Responden

DALAM PERKARA TUNTUTAN BIL. SCT/_____/20_____

... Pihak Menuntut
... Responden

NOTIS RESPONDEN

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa, setelah pendengaran rayuan di atas, responden yang dinamakan di atas, akan menghujah bahawa perintah Adjudikator _____ yang diberikan di Tribunal Tuntutan Kecil pada _____ haribulan _____ 20 _____ sepatutnya diubah atas alasan yang dinyatakan selepas ini (atau disahkan atas alasan tambahan kepada alasan yang disandarkan oleh Tribunal).

[Nyatakan dalam perenggan-perenggan bernombor _____

- (a) jenis pelepasan yang dituntut dan/atau
- (b) alasan yang disandarkan]

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Tandatangan Responden
(atau Peguamcara bagi Responden)

Kepada: (1) Pendaftar
Tribunal Tuntutan Kecil
Bandar Seri Begawan BA1910
Negara Brunei Darussalam

Kepada: (2) Kepada Perayu/Responden yang dinamakan di atas
Alamat penyampaian Perayu/Responden:

(aturan 32(6))

BORANG 19

NOTIS PENGHANTARAN KEPADA MAHKAMAH TINGGI

RAYUAN TUNTUTAN KECIL BIL. _____ TAHUN _____

DI ANTARA

*... Perayu
... Responden*

DALAM PERKARA TUNTUTAN BIL. SCT/_____ /20_____

*... Pihak Menuntut
... Responden*

Rekod Rayuan berserta dengan barang-barang bukti telah difailkan dan sekarang ini dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi.

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Pendaftar

Kepada: (1) Pendaftar
Mahkamah Besar

Kepada: (2) Kepada Perayu yang dinamakan di atas

Kepada: (3) Kepada Responden yang dinamakan di atas

BORANG 20

Tuntutan Bil. SCT/_____/20____

... Pihak Menuntut

... Responden

PERMOHONAN BAGI PENANGGUHAN PERLAKSANAAN

Sila Ambil Perhatian bahawa pihak menuntut/responden bercadang hendak memohon kepada Adjudikator, Tribunal Tuntutan Kecil yang terletak di _____, Negara Brunei Darussalam _____ jam _____ pagi/petang pada _____ haribulan _____ 20 _____, bagi penangguhan perlaksanaan perintah Tribunal bertarikh _____ haribulan _____ 20 _____.

Bertarikh pada hari ini _____ haribulan _____ 20 _____.

Tandatangan Pihak Menuntut/Responden

Kepada: (1) Pendaftar
Tribunal Tuntutan Kecil

(2) Pihak Menuntut/Responden

Perintah Tribunal Tuntutan Kecil, 2006
(S 8/2007)

PERMOHONAN OLEH SEORANG INDIVIDU UNTUK MENJADI WAKIL YANG
DIBERI KUASA UNTUK MENGEMUKAKAN KES

Kepada: Pendaftar, Tribunal Tuntutan Kecil

Tarikh: _____

Bil. Tuntutan : SCT/ _____/20_____
(nyatakan Bil. Tuntutan/Tuntutan Balas)

1. *Pihak Menuntut/*Responden _____ tidak dapat mengemukakan kes semasa *Perundingan/*Pendengaran kerana:—

Tandakan [] jika berkenaan

- ☐ Tidak bermastautin di Negara Brunei Darussalam dan tidak dapat tinggal di Negara Brunei Darussalam.
- ☐ UMUR TUA. * Pihak Menuntut/*Responden berumur _____ tahun.
- ☐ BUTA HURUF. Tahap pendidikan: _____
Kemahiran bahasa: _____
- ☐ KELEMAHAN AKAL ATAU TUBUH. Butir-butir: _____
[Satu salinan laporan perubatan dilampirkan].

2. Awang/Dayang _____
(Nyatakan nama wakil)

beralamat _____ memohon
(Nyatakan alamat wakil)

untuk menjadi wakil untuk mengemukakan kes bagi pihak *Pihak Menuntut/
*Responden.

Tandatangan Pihak Menuntut/Responden
(Jika perlu)

Tandatangan Wakil

BAGI KEGUNAAN PENDAFTAR

- (a) *Pihak Menuntut/*Responden tidak dapat mengemukakan kesnya sendiri kerana *Umur Tua/*Buta huruf/*Kelemahan akal atau tubuh.
- (b) Wakil yang dilantik *diberi kuasa dengan sempurna/*Tidak diberi kuasa dengan sempurna oleh *Pihak Menuntut/*Responden.
- (c) *DIBENARKAN/*TIDAK DIBENARKAN _____ untuk bertindak sebagai wakil bagi pihak Pihak Menuntut/Responden.
- (d) Hal-hal lain: _____

****Potong jika berkenaan***

Pendaftar

Bertarikh pada hari ini 20 haribulan Muharram, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 4 haribulan Disember, 2012.

DATO SERI PADUKA AWANG HAJI KIFRAWI
BIN DATO PADUKA HAJI KIFLI
Ketua Hakim,
Negara Brunei Darussalam.